



Submission date: 02/01/2019

Accepted date: 02/4/2019

AKHLAK PERCINTAAN DAN RASA MALU

Ethics of Love and Shame

Rezki Perdani Sawai^a, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin^b, Sidek Mohd Noah^c, Rumaya Juhari^d & Steven Eric Krauss^e

^aFakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

^bPusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia

^{c,e}Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

^dFakulti Ekologi Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia

rezki@usim.edu.my

Abstract

Love is not a licence for unmarried couples to have complete freedom in what they do. Islam outlines guidelines on the social boundaries between the sexes. Couple need to be responsible in their love for each other affair and feel a sense of guilt or remorse at any misdeed or wrongful act. Ethics in love and shame protect the perpetration of deeds that are incompatible with religious, legal, or public law. The purpose of this study was to determine whether there is a relationship between ethics of love and shame. The sample used covered 260 students from two public higher institutions of education in Selangor and Negeri Sembilan, Malaysia. The research design is quantitative based on Ethics of Love Instrument and the Muslim Moral Emotions Inventory (MMEI). The findings show that there is a positive relationship between the ethics of love and shame where persons having high levels of love ethics will also have high levels of shame. The implication of this study is the understanding of the morality of love and shame from the Islamic perspective is relevant in addressing social issues that derive from misunderstanding of the concept of love. This study emphasizes the importance of understanding love from the moral aspect.

Keywords: love, shame, ethics of love.

Abstrak

Bercinta bukanlah satu tiket untuk pasangan teruna dan dara melakukan apa sahaja. Islam menggariskan panduan tentang batas pergaulan antara lelaki dan perempuan. Mereka perlu menjaga akhlak percintaan dan memiliki rasa malu untuk melakukan sesuatu yang tidak baik. Akhlak percintaan dan rasa malu menjaga pelakunya dari perbuatan-perbuatan yang tidak sesuai dengan ajaran agama, undang-undang atau adab masyarakat. Sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah 260 pelajar dari dua Institusi Pengajian Tinggi Awam di Selangor dan Negeri Sembilan, Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat samada terdapat hubungan antara akhlak percintaan dan rasa malu. Kaedah kajian ini adalah kuantitatif menggunakan Instrumen Akhlak Percintaan dan Inventori Emosi Moral Muslim. Seseorang yang menjaga akhlak dalam percintaan memiliki rasa malu yang tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan antara akhlak percintaan dan rasa malu. Implikasi kajian ini adalah berkaitan dengan pemahaman tentang akhlak percintaan dan rasa malu dari perspektif Islam amat relevan dalam menangani masalah sosial yang berakar dari salah faham tentang konsep cinta. Kajian ini menekankan kepentingan memahami cinta dari sudut moral dan akhlak percintaan.

Kata kunci: cinta, rasa malu, akhlak percintaan.

PENDAHULUAN

Cinta dan moral secara umumnya dilihat sebagai dua perkara yang berbeza (Velleman, 1999). Mungkinkah ada cinta yang bersandarkan kepada moral atau cinta berlandaskan hawa nafsu semata-mata? Oleh kerana cinta dan moral dilihat sebagai dua entiti yang berasingan, maka cinta tidak lagi dilandaskan oleh etika atau moral. Ini boleh dibuktikan dari peningkatan statistik belia yang terlibat dalam salah laku seks. Natiujahnya, berleluasanya masalah sosial yang lain seperti kehamilan luar nikah dan pengguguran janin dalam kalangan belia. Laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara sejak 2008 hingga 2012 yang mana mendedahkan bahawa terdapat kira-kira 167,073 bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa maklumat bapa. Ini bermakna secara purata 33,41 5 bayi dilahirkan dalam tempoh setahun, 2,784 bayi (sebulan), 93 bayi (sehari) dan empat bayi (sejam) (Azizah & Nor Adha, 2014). Masalah ini sekiranya tidak dibendung akan memburukkan lagi keadaan. Nasrudin, Radhiah, Norazura, Suzana, Fauziah, dan Mohd Suhaimi (2012) mendapati remaja cenderung mendefinisikan hubungan seksual sebagai cara untuk menyatakan perasaan cinta dan kasih kepada pasangan.

Islam tidak menafikan adanya cinta yang diiringi dengan dorongan seksual. Ini adalah kerana Islam tidak memandang hina cinta itu tetapi menyeru untuk mengekang dan mengendalikan perasaan cinta tersebut dengan cara yang betul dan sah iaitu melalui hubungan pernikahan. Perbuatan tidak sopan di khalayak ramai dan

berkhalwat adalah bertentangan dengan prinsip perlindungan terhadap maruah diri manakala perbuatan zina dan hamil luar nikah merupakan perbuatan yang boleh merosakkan kesucian nasab dalam Islam. Sekiranya keadaan seseorang itu tidak mengizinkannya untuk bernikah, maka hendaklah ia menjaga dirinya dan mengendalikan keinginan seksual dengan cara yang betul sehingga Allah memberikan kemampuan untuknya bernikah. “Dan orang-orang yang tidak mampu berkahwin hendaklah menjaga kesucian dirinya sehingga Allah memampukan mereka dengan kurnia-Nya” (An-Nur: 33).

CINTA

Cinta bukanlah satu topik perbincangan yang baru dalam kalangan Sarjana. Terdapat banyak penulisan yang dihasilkan tentang cinta sepanjang sejarah dari zaman kuno hingga ke zaman moden. Walau bagaimanapun kajian saintifik tentang cinta hanya bermula pada kurun ke 20 (Stenberg, 2015). Cinta telah dilihat sebagai satu elemen moden yang bertanggungjawab sebagai permulaan bagi sesebuah hubungan intim dan seterusnya membawa kepada pembentukan keluarga (Malta, 2013). Meskipun banyak kajian ilmiah tentang cinta, para Sarjana tidak sependapat dalam mendefinisikan cinta.

Menurut Freud (1963), cinta terbit dari naluri libido atau erotis, yang mencari kepuasan atau pemuasan pada satu objek. Dalam penulisan keagamaan, cinta adalah satu kualiti spiritual dan mistik yang mempersatukan individu dengan Tuhan (Chaplin 1968; 1989). Cinta juga adalah perasaan yang amat mendalam terhadap seseorang atau sesuatu. Ia adalah satu perasaan yang berupaya untuk menggerakkan individu ke arah kebaikan. Menurut Tzeng (1993), cinta diperlukan untuk memenuhi keperluan emosi dan fizikal dan ia juga memainkan peranan yang penting di dalam institusi sosial tradisional seperti perkahwinan. Konsep cinta dari perspektif Islam bukan hanya terhad kepada cinta romantik sesama manusia tetapi juga termasuk cinta yang hakiki iaitu cinta kepada Allah SWT. Cinta romantik sesama manusia perlu bersandarkan kepada Akhlak Percintaan yang telah digariskan oleh syarak.

Menurut Velleman (1999), cinta dari pandangan Freud cuma berkisar kepada fantasi. Oleh sebab itu, konsep cinta yang diketengahkan oleh Freud adalah tersasar dari segi moral. Tambah Velleman (1999) lagi, cinta yang tidak dapat dipisahkan dari keinginan untuk mendapat manfaat adalah cinta yang tidak sihat (*unhealthy love*). Memahami tuntutan seksual dengan betul juga membantu remaja untuk menyempurnakan kefahaman mereka terhadap akhlak percintaan. Seks menurut remaja Islam wajib difahami mengikut kaca mata Islam, iaitu ia adalah dibenarkan (halal) dan satu bentuk ibadah (pengabdian kepada Allah SWT) bagi pasangan kekasih yang telah berkahwin sahaja. Akan tetapi, naluri seks yang disalurkan dalam kalangan remaja yang belum berkahwin adalah perzinaan dan termasuk dalam

kategori dosa besar (Al-Qardhawi 2009). Pengkaji tidak menafikan pandangan Freud yang menyatakan bahawa desakan seks adalah satu daya motivasi yang universal, tetapi pengkaji menyangkal pandangannya yang menyatakan bahawa semua tingkah laku boleh dianggap sebagai seksual.

AKHLAK PERCINTAAN

Etika atau moral dan cara gaya dalam cinta menurut Barat adalah jauh berbeza dengan konsep akhlak percintaan dalam Islam. Dalam Islam, semua perlakuan cinta yang tersebut hanya dibenarkan bagi pasangan kekasih yang sudah berkahwin sahaja. Perbuatan mempermain-mainkan cinta adalah haram dan berdosa kerana ia termasuk dalam kategori menyakiti sesama Muslim (al-Qaradhawi, 2009). Walaupun terdapat tatacara dan undang-undang yang ditetapkan oleh ibu bapa di Barat mengenai temu janji untuk anak remaja mereka, tetapi ia tidak sampai boleh membendung perbuatan seks sebelum perkahwinan. Sebaliknya, akhlak percintaan dalam Islam adalah usaha untuk membendung kegiatan seks sebelum perkahwinan bagi menjaga kehormatan serta kemuliaan susur galur keturunan dan juga kemuliaan individu itu sendiri.

Pengkaji cinta di Barat, Velleman (1999) cuba mengetengahkan cinta sebagai emosi moral. Emosi moral adalah emosi yang bertindak balas terhadap pelanggaran moral, atau yang mendorong perilaku moral (Haidt, 2003). Haidt selanjutnya menyatakan emosi moral sebagai "yang berkaitan dengan kepentingan atau kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan atau sekurang-kurangnya orang selain hakim atau agen" (halaman 276). Tangney, Stuewig dan Mashek, (2007) percaya bahawa emosi moral merupakan elemen utama moral manusia yang mempengaruhi hubungan antara piawai moral dan tingkah laku moral. Emosi moral memberikan daya motivasi-kuasa dan tenaga, untuk melakukan kebaikan dan untuk mengelakkan melakukan perkara yang buruk (Kroll & Egan, 2004). Cinta hanya boleh dinikmati ketika di alam perkahwinan dan terdapat beberapa aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan sesama suami isteri. Antara aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan rasa cinta terhadap pasangan suami isteri adalah makan bersama, mengadakan hubungan kelamin, bercium, berpeluk, berbual, dan sebagainya (Kline, Horton, & Zhang, 2008).

Bagi belia yang belum berkahwin, memelihara akhlak percintaan bererti menjaga batasan-batasan yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam terutamanya tatacara untuk bergaul di antara lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai sebarang ikatan yang sah. Percampuran di antara lelaki dan perempuan disebut sebagai ikhtilat (al-Qaradhawi 2003). Dalam konteks pencegahan gejala sosial, benteng yang paling utama ialah kekuatan dalaman dan jati diri remaja yang dibina dari rumah. Dalam hal ini, ibu bapa sangat memainkan peranan penting untuk mendidik kefahaman

yang betul mengenai ajaran Islam, dan salah satunya ialah kefahaman mengenai konsep cinta dan akhlak percintaan. Di antara akhlak percintaan telah digariskan oleh al-Jauziyyah (1997), al-Qaradhawi (2003) dan al-Ghazali (1967, 2009) ialah:

- (a) Letakkan niat yang betul dari awal suatu hubungan - Cinta untuk Allah SWT dan cinta kerana Allah SWT
- (b) Menjaga pandangan mata, aurat dan suara
- (c) Menjaga pergaulan dan tidak bersalaman di antara lelaki dan perempuan
- (d) Menghindari bersendirian dengan pasangan kekasih, baik di hadapan umum mahupun dalam pengasingan
- (e) Mengatur sebuah upacara perkahwinan yang tepat pada masanya

PERKAITAN ANTARA CINTA DAN RASA MALU

Stenberg (1988) menjelaskan bahawa komponen terpenting dalam cinta di antaranya adalah ghairah dan keintiman. Oleh kerana itu, hubungan pacaran sering melakukan perbuatan yang menjurus kepada perzinaan, bahkan perzinaan itu sendiri. Perilaku yang sering muncul dalam hubungan berpacaran adalah khalwat (berdua-duaan), bercium, berpelukan, bercumbu dan hubungan intim. Belia yang berpegang kepada fahaman ini merasakan perbuatan mereka tidak salah. Oleh sebab itu, mereka rasa tidak malu untuk melakukan perkara yang tidak sopan tersebut. Remaja berusia 15 tahun mengaku sudah pernah melakukan hubungan seks ketika berusia 10 tahun dan remaja berkenaan berasa megah kerana sudah tiada dara malah mengutuk rakannya yang masih suci (Zulaiha, Roslan, Umi Nadzrah, & Zurina, 2016). 'Malu' dalam kajian ini merujuk kepada haya'. Haya' didefinisikan sebagai penolakan melakukan atau mengatakan apa yang buruk dan tidak bermoral (Al-Ghazali, 1973). Oleh itu, rasa malu seharusnya mendorong seseorang untuk menjauhkan diri dari perbuatan yang buruk.

Velleman (1999) berpendapat bahawa cinta boleh dikaitkan dengan moral menggunakan teori nilai yang dibangunkan oleh Kant. Ciri penting teori ini ialah Rasa hormat kepada orang lain. Mencintai seseorang bermaksud menghormati orang yang dicintai. Seseorang yang mempunyai rasa hormat terhadap pasangannya tidak akan melakukan sesuatu yang tidak diigini oleh pasangan tersebut. Perlakuan cinta didasari dengan kefahaman bahawa orang yang sedang bercinta tidak sewajarnya mementingkan diri sendiri. Oleh yang demikian Rasulullah SAW sangat memberi penekanan terhadap kepentingan kasih sayang di antara manusia terutamanya mereka meletakkan kekuatan iman dalam perasaan tersebut. Remaja yang bercinta khususnya wajar berfikir implikasi negatif cinta yang berlandaskan hawa nafsu semata-mata (Syaidatun, Khairul & Norfadilah 2010).

METODOLOGI

Rekabentuk dan Sampel kajian

Reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian deskriptif melalui kaedah tinjauan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan semasa di mana data dipungut sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa. (Creswel, 2008). Kajian ini melibatkan seramai 260 responden (lewat remaja 18-25 tahun) dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan status Islam (IPTA-i) di Selangor dan Negeri Sembilan. Pelajar-pelajar ini berumur antara 18-25 tahun (M umur = 22.28, SP = 1.80). Analisis deskriptif responden melaporkan bahawa terdapat 66 responden terdiri daripada pelajar lelaki manakala 25.4% daripada jumlah sampel (194 orang) adalah pelajar perempuan yang menyumbang kepada majoriti responden (74.6%). Seterusnya, profil sampel berdasarkan status hubungan cinta menunjukkan bahawa 69 (26.5%) belia dalam percintaan, 162 (62.3%) belia tidak jatuh cinta dan sebanyak 29 (11.2%) belia putus cinta.

Prosedur

Pengkaji mengumpul data kajian dengan pergi sendiri ke institusi pengajian responden yang telah terpilih secara rawak dalam kajian ini dan memberikan borang soal selidik untuk dijawab. Pengkaji mengedarkan soal selidik ini dengan bantuan Pensyarah bagi subjek yang telah dipilih secara rawak (Azizi & Jaafar 2006; Bryman, 2008; Noraini Idris, 2010). Pengkaji menerangkan secara terperinci tentang tujuan kajian dijalankan. Responden diberikan masa selama 15-20 minit untuk menjawab soal selidik tersebut. Sekiranya responden menghadapi kesukaran untuk menjawabnya dalam jangka masa terdekat, pengkaji memberi masa tertentu dan kembali semula untuk mengutip borang soal selidik yang telah dijawab.

Instrumentasi

Instrumen Akhlak Percintaan (IAP) adalah instrumen yang dibina sendiri oleh pengkaji, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin (2013). Instrumen ini terdiri daripada 14 item. Akhlak Percintaan diwakili oleh 2 subkonstruk iaitu pemahaman tentang Akhlak Percintaan, sikap terhadap Akhlak Percintaan dan praktis Akhlak Percintaan. Contoh soalan untuk pemahaman tentang Akhlak Percintaan adalah, " Berdua-duaan dengan kekasih atau orang yang diminati adalah dilarang dalam Islam", bagi sikap Akhlak percintaan "Saya berpendapat berzina atau bersekedudukan dengan kekasih adalah budaya yang sesuai diamalkan pada zaman moden ini". Soalan yang mengukur praktis terhadap Akhlak percintaan pula ialah "Saya lebih kerap menghubungi orang yang saya cintai daripada ibu bapa saya". Pekali alfa bagi instrumen ini ialah .90.

Inventori Emosi Moral Islam: Untuk mengukur rasa malu dan rasa bersalah, instrumen yang digunakan adalah Inventori Emosi Moral Islam. Alat ini

dibangunkan oleh penyelidik, Rezki Perdani Sawai. Instrumen ini mengandungi 50 item untuk mengukur rasa malu. Inventori Emosi Moral Islam mengkaji persepsi individu terhadap rasa malu menggunakan skala likert 10 mata, dari 0 (tidak menggambarkan saya sama sekali) hingga 10 (jelaskan saya). Contoh soalan ialah, "Berasa tidak selesa sekiranya orang melihat tubuh badan saya yang terdedah", "Bimbang sekiranya kata-kata saya melukakan hati orang lain", "Biasa melihat gambar lucuh" (item negatif), dan "Tidak segan silu berpegangan tangan dengan teman yang berlawanan jantina" (item negatif). Dalam kajian ini, pekali Alfa bagi skala malu ialah .93.

Analisis Data

Kaedah kuantitatif digunakan bagi menjawab soalan penyelidikan dan reka bentuk penyelidikan korelasi dianggap sesuai untuk kajian ini. Kajian ini juga menggunakan statistik deskriptif untuk memberikan gambaran tentang responden. Akhir sekali, ujian t digunakan bagi melihat hubungan antara rasa malu dan akhlak percintaan. Data dianalisis secara statistik menggunakan korelasi, min dan peratusan. Analisis korelasi Pearson digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara Rasa Malu dan Akhlak Percintaan berdasarkan institusi belia yang berbeza dipaparkan dalam Jadual 1.

Hasil daripada analisa ujian-t terdapat perbezaan yang signifikan bagi Rasa Malu [$t = 2.681, p = 0.008$], dan Akhlak Percintaan [$t = 6.434, p = 0.000$] berdasarkan institusi belia. Analisis ini juga menunjukkan Rasa Malu, dan Akhlak Percintaan dalam kalangan belia dari institusi Islamik adalah lebih tinggi dari belia dari institusi bukan Islamik.

Jadual 1: Ujian-t Perbezaan Berdasarkan Institusi

	Institusi Islamik (n=105)		Institusi Bukan Islamik (n=155)		Nilai t	Sig. P
	Min	SP	Min	SP		
Rasa Malu	8.22	.973	7.88	1.019	2.681	.008
Akhlik Percintaan	4.62	.490	4.12	0.764	6.434	.000

Berikut adalah analisis deskriptif taburan tahap secara keseluruhan tahap Rasa Malu seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Keseluruhan Rasa Malu

Skor min	Bilangan	Peratus	Tahap
1.00 – 4.00	0	0.0	Rendah
4.01 – 7.00	42	16.2	Sederhana
7.01 – 10.00	218	83.8	Tinggi
Jumlah	260	100.0	

Didapati daripada 260 belia yang dikaji, tahap Rasa Malu seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2 menunjukkan seramai 42 orang (16.2%) pada tahap yang sederhana dan seramai 218 orang (83.8%) pada tahap yang tinggi. Seterusnya analisis deskriptif taburan tahap konstruk Rasa Malu seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Nilai Min dan Sisihan Piawai Konstruk Rasa Malu

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengawalan Penglihatan	7.73	1.372	Tinggi
Berpakaian Sopan	8.66	1.173	Tinggi
Kehormatan Diri	8.01	1.482	Tinggi
Pertuturan Yang Baik	7.60	1.563	Tinggi
Prihatin	8.10	1.040	Tinggi

(Rendah = 1.00 – 4.00, Sederhana = 4.01 – 7.00, Tinggi = 7.01 – 10.00)

Jadual 3 di atas menunjukkan 5 konstruk tahap Rasa Malu dalam kalangan belia adalah tinggi. Konstruk-konstruk tersebut adalah Pengawalan Penglihatan (min = 7.73, SP = 1.372), Berpakaian Sopan (min = 8.66, SP = 1.173), Kehormatan Diri (min = 8.01, SP = 1.482), Pertuturan Yang Baik (min = 7.60, SP = 1.563) dan Prihatin (min = 8.10, SP = 1.040). Manakala secara keseluruhan pula menunjukkan bahawa skor Rasa Malu (min = 8.021, SP = 1.013) dalam kalangan belia adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4: Nilai Min dan Sisihan Piawai Instrumen Rasa Malu

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Rasa Malu	8.02	1.013	Tinggi

(Rendah = 1.00 – 4.00, Sederhana = 4.01 – 7.00, Tinggi = 7.01 – 10.00)

Berikut adalah analisis deskriptif taburan secara keseluruhan tahap Akhlak Percintaan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 5: Keseluruhan Akhlak Percintaan

Skor min	Bilangan	Peratus	Tahap
1.00 – 2.33	6	2.3	Rendah
2.34 – 3.66	41	15.8	Sederhana
3.67 – 5.00	213	81.9	Tinggi
Jumlah	260	100.0	

Didapati daripada 260 belia yang dikaji, tahap Akhlak Percintaan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5 menunjukkan seramai 6 orang (2.3%) pada tahap yang rendah, seramai 41 orang (15.8%) pada tahap yang sederhana dan seramai 213 orang (81.9%) pada tahap yang tinggi. Seterusnya analisis deskriptif taburan tahap konstruk Akhlak Percintaan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 6: Nilai Min dan Sisihan Piawai Konstruk Akhlak Percintaan

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kefahaman – Akhlak Percintaan	4.54	0.493	Tinggi
Sikap – Cinta Kepada Akhlak Percintaan	4.19	1.082	Tinggi
Praktis – Cinta Kepada Akhlak Percintaan	4.23	1.027	Tinggi

(Rendah = 1.00-2.33, Sederhana = 2.34-3.66, Tinggi = 3.67-5.00)

Jadual 6 di atas juga menunjukkan 3 konstruk tahap Akhlak Percintaan dalam kalangan belia adalah tinggi. Konstruk-konstruk tersebut adalah Kefahaman – Akhlak Percintaan (min = 4.54, SP = 0.493), Sikap – Cinta Kepada Akhlak Percintaan (min = 4.19, SP = 1.082) dan Praktis – Cinta Kepada Akhlak Percintaan (min = 4.23, SP = 1.027). Manakala secara keseluruhan pula menunjukkan bahawa skor Akhlak Percintaan (min = 4.32, SP = 0.710) dalam kalangan belia adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 7: Nilai Min dan Sisihan Piawai Instrumen Akhlak Percintaan

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Akhlak Percintaan	4.32	0.710	Tinggi

(Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

PERBINCANGAN

Bagi melihat perbezaan di antara kefahaman tentang akhlak percintaan dan rasa malu berdasarkan latar belakang demografi, kajian ini mendapati bahawa jenis IPT yang dihadiri oleh responden memberi kesan ke atas tahap rasa malu responden dan juga akhlak percintaan mereka. Ini mungkin disebabkan oleh didikan agama yang diterima oleh responden.

Berdasarkan dapatan kajian ini, institusi Islamik menunjukkan hubungan yang tinggi dalam aspek akhlak percintaan dan rasa malu. Rasa malu dalam kalangan pelajar IPT Islamik adalah tinggi kerana pengetahuan asas yang miliki sebagai pelajar yang menuntut di institusi Islamik. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Syaidatun, Rozmi dan Fazilah (2012) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pelajar IPT Islamik dan akhlak percintaan.

Pengkaji berpendapat betapa pentingnya mendidik belia Islam supaya memahami hakikat cinta sebenar seperti dalam ajaran Islam dan untuk mengelakkan diri mereka serta orang lain dari jatuh ke lembah maksiat. Kajian ini amat berguna untuk memperkayakan khazanah ilmu psikologi cinta (Sternberg & Barnes 1988; Sternberg & Weis, 2006) dan psikologi Islam (Badri 1979:1969; Khaidzir 2009) yang masih baru di Malaysia. Selain dari itu, ibu bapa perlu memberi perhatian kepada perkembangan emosi moral anak-anak. Mendidik anak-anak tentang rasa malu seperti yang disarankan dalam Islam amatlah perlu.

Tidak hanya di rumah, pengajian cinta dan akhlak percintaan sewajarnya disebarluaskan ke peringkat global kerana akhlak belia adalah berkait dengan cinta kemanusiaan yang boleh diterapkan melalui sistem pendidikan. Kajian Syaidatun et al. (2016) dan Syaidatun et al. (2017) telah menyenaraikan beberapa indikator cinta kemanusiaan yang antaranya ialah mematuhi undang-undang, keprihatinan dan kebertanggungjawaban sosial. Pengkaji berpendapat, indikator-indikator ini boleh diterapkan dalam kalangan belia bagi menyumbang kepada peningkatan rasa malu dan penambahbaikan akhlak percintaan dalam diri individu. Selain itu, konsep cinta yang bersifat universal seperti cinta ketuhanan dan cinta kepada makhluk (Syaidatun, Fazilah dan Mohamad Sabri, 2017) hendaklah disebarluaskan untuk menambahkan penghayatan beragama dan akhlak mulia.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati akhlak percintaan dan rasa malu adalah saling berkait di antara satu sama lain. Usaha perlu dipergiatkan bagi menanamkan rasa malu dalam diri anak muda di samping memahami hakikat cinta yang telah digariskan oleh Islam. Usaha ini tidak hanya dijalankan di rumah oleh ibu bapa, tetapi ia melibatkan peranan pelbagai pihak dalam setiap lapisan masyarakat. Wallahua'lam.

RUJUKAN

- Abu al-Qasim al-Qushayri. (2007). *Al-Qushayri's epistle on sufism*. United Kingdom: Garnet Publishing Limited.
- Abdullah, Yusuf Ali (1994). *The Holy Quran: Text and translation*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Abdur Rahman., I., Doi. (1991). *Introduction to hadith (Tradition of Prophet Muhammad)*. Kuala Lumpur: Pustaka Zafar.
- Abdullah Nasih Ulwan (1988). *Pendidikan anak-anak dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd. Diterjemahkan oleh Syed Ahmad Semait. Muhammad Utsman Najati. 2008. Psikologi Qurani: Psikologi dalam Perspektif al-Quran. Aulia Press Solo.
- Ahmad ibn Muhammad Miskawayh (1968). *Tahdhib al-Akhlaq: The refinement of character*. (Zurayk, C.K, Trans). Beirut: The American University of Beirut. (n.d).
- Al-'Ajluniy, Ismail bin Muhammad bin Abd al-Hadi al-Jarahiy. (2000). *Kasyf al-Khafa'*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyah.
- Albertsen, E.J., O'Connor, L.E., & Berry, J.W. (2006). Religion and interpersonal guilt: Variations across ethnicity and spirituality. *Mental Health, Religion & Culture*. 9(1), 67-84.
- Al-Ghazali, M. (1973). *The Muslim's ethics*. 9th edition, Qatar: Qatar National Press.
- At-Tirmidhi, Abu Isa. (n.d.) *Al-Jâmi' as-Shahîh Sunan at-Tirmidhi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Azizah Mat Rashid & Adha Abd Hamid. (2014). Undang-undang jenayah syariah: suatu sorotan berhubung kesalahan akhlak. Prosiding Persidangan Antarabangsa mengenai Penyelidikan Pasca Siswazah (ICPR 2014).
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. (Cetakan Kedua). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods* (3rd ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J.W. (2006). *Qualitative inquiry and research design: choosing among five traditions* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Chaplin, J. P. (1968). *Dictionary of Psychology*. USA: Random House Publishing Group.
- Chaplin, J. P. (1989). *Kamus Lengkap Psikologi* (Dictionary of Psychology, 1968). Terj. Kartini-Kartono. Jakarta: Penerbit CV Rajawali.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ed. ke-3. Upper Saddle River, NJ: Merrill.

- Freud, S. (1963). *Sexuality and the Psychology of Love*. U.S.A.: Simon & Schuster Inc.
- Haidt, J. (2003). The moral emotions. In R. J. Davidson, K. R. Scherer, & H. H. Goldsmith (Eds.), *Handbook of affective sciences*. Oxford: Oxford University Press. (pp. 852-870).
- Khaidzir Hj. Ismail. (pnyt.). (2009). *Psikologi Islam: Falsafah, Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Institut Islam Hadhari & iBook Publication.
- Kline S. L., Horton B., & Zhang. S. (2008). Communicating love: Comparisons between American and East Asian university students. *International Journal of Intercultural Relations*, 32, 200-214.
- Kroll J., & Egan, E. (2004). Psychiatry, moral worry, and moral emotions. *Journal of Psychiatric Practice*, 10, 352-360.
- Malta, S. (2013). Love, sex and intimacy in new late-life romantic relationships. Unpublished Doctoral Thesis. Swinburne University of Technology.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad. (2012). Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta dan Nafsu (Sexual Relationship Among Adolescent: Between Love and Lust). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7, 1, 15-25.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sternberg, R. J. & Barnes, M.L. (1988). *The Psychology of Love*. U.S.A.: Yale University Press.
- Sternberg, R. J. & Weis, K. (2006). *The New Psychology of Love*. U.S.A.: Yale University Press.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Khairul Hamimah Mohammad Jodi & Norfadilah Abdul Rahman. (2010). *Adab-adab cinta remaja menurut hadis dan peranannya dalam pendidikan*. Seminar Warisan Nabawi Kali Ke-2. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM. 28-29 Julai 2010.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rozmi Ismail dan Fazilah Idris. (2012). Kefahaman remaja IPT terhadap konsep cinta dalam Islam dan hubungannya dengan Pemikiran Rasional dan Akhlak Percintaan. *Malim-Southeast Asia Journal of General Studies*, 13, 7-24.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2013). *Kefahaman remaja Melayu terhadap Konsep Cinta dalam Islam dan hubungannya dengan Pemikiran Rasional dan Akhlak Percintaan*. Tesis Doktor Falsafah Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Fatin Hazwani Siran, Nasrudin Yunos, Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Nazilah Ali & Fatin Nabilah Abu Hassan. (2016). *Penerapan indikator cinta kemanusiaan melalui kursus pengajian*

- ketamadunan*. Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (I-STET) 3-4 Disember 2016. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Mohamad Sabri Haron, Maznah Hj Ibrahim, Fatin Hazwani Siran & Radin Anis Adlina Radin Hasbani. (2017). *Cinta kemanusiaan dan filantropi*. Conference On Philanthropy For Humanitarian Aid (CONPHA) 2017 23-24 may 2017. Sultan Sharif Ali Islamic University (UniSSA), Brunei.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Fazilah Idris & Mohamad Sabri Haron, pnyt. (2017). *Cinta Serata Alam*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tangney, J.P., Stuewig, J., & Mashek, D.J. (2007). Moral emotions and moral behavior. *Annual Review Psychology*. 58, 345–72.
- Tzeng, O. C. S. (1993). *Measurement of love and intimate relation: Theories, scales, and applications for love development, maintenance and dissolution*. United States of America: Praeger Publishers.
- Velleman, J.D. (1999). Love as Moral Emotions. *Ethics*, 109, 2, 338-374.
- Zulaiha Ali Othman, Roslan Ahmad, Umi Nadzrah Ali Othman, & Zurina Muda. (2016). Remaja bercinta: Kajian Terhadap tiga jenis Sekolah Menengah Kebangsaan, Agama dan Agama Swasta. *Jurnal Hadhari*. 8 (1), 187-210.